

21 FEB 2000

MAHATHIR-MEDIA/I

PM SELAR KRITIKAN MEDIA ASING TERHADAP PROJEK TEKNOLOGI TINGGI M'SIA

SHAH ALAM, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan tegasnya hari ini menyelar media asing berhubung artikel yang dikeluarkan baru-baru ini yang mengkritik pelaburan kerajaan dalam projek berteknologi tinggi seperti Koridor Raya Multimedia (MSC) serta mempertikaikan keupayaan Malaysia untuk berjaya dalam bidang tersebut.

Bercakap di majlis perasmian Ericsson Mobile Communications Sdn Bhd, berdekatan sini, beliau berkata, rakyat Malaysia telahpun berjaya membuktikan keupayaan mereka dalam melaksanakan sesuatu projek besar.

"Sentimen negatif seumpama ini yang dilemparkan terhadap projek MSC telahpun didengari sejak dari dahulu ketika Malaysia melancarkan projek kereta nasional, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Kuala Lumpur City Centre dan langkah kawalan modal yang berjaya menyelamatkan Malaysia daripada kesan krisis ekonomi Asia.

"Semua usaha dan langkah itu terbukti telah berjaya. Tiada alasan untuk mempercayai kritikan seumpama itu sekarang, kerana yang pastinya sejak dahulu lagi mereka sering membuat kesilapan," tambahnya.

Dr Mahathir juga berkata sesetengah pengkritik juga menggelarkan Cyberjaya sebagai "bandar hantu", walaupun ianya mustahil untuk membina keseluruhan bandar dalam tempoh beberapa bulan sahaja.

"Di Cyberjaya, kita membina bangunan besar dalam tempoh beberapa bulan tetapi bukan keseluruhan bandar. Ia perlu mengambil masa beberapa tahun," tegasnya.

Dr Mahathir berkata, Cyberjaya telah menempuhi banyak kemajuan berbanding padang hijau semasa ia diperolehi pada 1997.

Beliau juga menjelaskan yang Universiti Multimedia mempunyai lebih 3,000 penuntut dan kakitangan akademik daripada seluruh dunia.

Menjelang hujung tahun, kemudahan awam seperti sekolah-sekolah dan taman-taman sebahagian besarnya akan siap untuk melengkapkan infrastruktur asas yang sudahpun siap pada Julai 1999.

"Yang lebih penting, semua ruang pejabat dalam pembinaan ataupun siap sudahpun mempunyai pemilik," dan menambah kata lebih 100 syarikat dengan status MSC dijangka berpindah ke Cyberjaya menjelang Sept 2000.

Kekuatan MSC juga terdapat pada kepelbagaian syarikat-syarikat yang telah mendapatkan status MSC.

"Sementara ada yang menetapkan sasaran pada pasaran dunia, yang lain mahu menumpukan kepada Asia dan rantau," katanya.

Perdana Menteri menyatakan keyakinannya yang rakyat Malaysia mempunyai masa depan yang terjamin sebahagian besarnya kerana pencapaian MSC hari ini.

Beliau berkata, projek MSC kini telah mencapai semua peringkat utama yang ditetapkan.

"Kita sekarang mempunyai 300 syarikat dengan status MSC termasuk 34 pembentuk web. Syarikat-syarikat itu dianggarkan mempunyai pelaburan berjumlah RM3.4 bilion pada 1999 dan menggajikan lebih 14,000 pekerja dalam bidang teknologi maklumat," katanya.

-- BERNAMA

AD DVS PR ZK